



19 Februari 2019
19 February 2019
P.U. (A) 45

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERISYTIHARAN PELANTIKAN TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

PERISYTIHARAN
PELANTIKAN TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 33 Perlembagaan Persekutuan bahawa hendaklah ada seorang Timbalan Ketua Utama Negara bagi Persekutuan yang digelar Timbalan Yang di-Pertuan Agong yang dipilih oleh Majlis Raja-Raja:

DAN BAHAWASANYA menurut peruntukan Jadual Ketiga kepada Perlembagaan Persekutuan, Majlis Raja-Raja telah mengisytiharkan DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH dipilih memegang jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH, DENGAN INI MENGISYTIHARKAN bahawa DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH pada hari ini telah memegang jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong dan telah mengangkat Sumpah yang dikehendaki oleh Perkara 37 Perlembagaan Persekutuan mengikut cara yang ditetapkan oleh Perkara itu.

DIPERBUAT di Istana BETA, Istana Negara, di Ibu Negara BETA di Kuala Lumpur pada tiga puluh satu hari bulan Januari dalam tahun dua ribu sembilan belas.

[MRR(S) 640-252/(31); PN(PU2)171/XXV]

Dengan Titah Perintah Seri Paduka Baginda

Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja